

Headline	Agong dimasyhur Canselor UiTM	Language	Melayu
Media Title	Kosmo	Section/Page No	Negara/ 6
Date	20/03/2019	Journalist	Mohd Yunus Yakkub
Source	Surat Khabar	Remarks	UiTM

Al-Sultan Abdullah mahu martabat bangsa Melayu, bumiputera terus diperjuang

## Agong dimasyhur Canselor UiTM

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima pelantikan sebagai Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini semalam.

Watikah pemasyhuran Seri Paduka sebagai Canselor UiTM dipersembahkan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Pemasyhuran Al-Sultan Abdullah adalah mengikut Seksyen 19A (2) Akta UiTM 1976 yang memperuntukkan bahawa Canselor ialah Yang di-Pertuan Agong.

Al-Sultan Abdullah bertitah, UiTM perlu menyediakan pengajian yang mengkaji pemikiran, kepintaran serta budaya kepelbagaian bangsa yang

merentasi zaman sebagai bekal untuk memartabatkan bangsa tanpa merubah identiti dan matlamat asal penubuhan universiti itu.

Titah Seri Paduka lagi, ia bagi menentukan bangsa Melayu dan bumiputera terus berdaya saing di pentas global.

"Di zaman keagungan Islam, Khalifah Umar Al-Khattab telah menyarankan ilmu pengetahuan yang berguna kepada anak-anak.

"Melalui pendidikan, ia boleh merubah jiwa dan stigma bumiputera dengan membina keyakinan diri bahawa bangsa Melayu dan bumiputera mampu bersaing di persada dunia," titah Seri Paduka.

Al-Sultan Abdullah juga percaya jika sesuatu bangsa itu ingin berubah dan mengatasi cabaran yang mendatang, mereka harus memiliki modal insan yang berilmu pengeta-



AL-SULTAN ABDULLAH berkenan menerima Watikah Pemasyhuran Canselor daripada Maszlee pada Istiadat Pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong sebagai Canselor UiTM Shah Alam semalam.

huan dan memiliki pegangan spiritual serta sahsiah yang unggul.

Justeru, Seri Paduka meni-

tahkan UiTM mempunyai tanggungjawab besar untuk menyemak nilai integriti dalam usaha melahirkan graduan yang

berkualiti tinggi.

"Nilai integriti ini mesti juga tersemat dalam tunjang kepimpinan sesebuah organisasi kerana kepimpinan yang beretika dan berwibawa akan menjamin kecemerlangan organisasi.

"Saya menyeru kepada sekalian warga untuk sama-sama membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan agar menjadi insan yang bermoral, beretika dan terpuji," titahnya.

Dalam pada itu, Al-Sultan Abdullah menyeru kepada sekalian rakyat negara ini untuk mengelakkan sebarang tingkah laku mahu pun pertuturan yang boleh mengakibatkan berlakunya perpecahan dan perbalahan, serta fitnah dan hasad dengki.

"Semua ini akan hanya mengundang kemusnahan kepada tamadun bangsa dan kemajuan negara yang telah sekian lama terbina," tegas Seri Paduka.